

02/03/2001

Hotel jejas jualan tiket Grand Prix

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Khamis - Beberapa hotel di sini didapati cuba menaikkan kadar sewa bilik antara 100 hingga 150 peratus daripada harga biasa sempena Grand Prix Malaysia Petronas 2001 yang bakal berlangsung pada 16 hingga 18 Mac ini.

Perkara itu didedahkan oleh Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir ketika beliau mengulas mengenai kenaikan harga sewa bilik oleh hotel empat dan lima bintang ke atas, baru-baru ini.

Beliau berkata, kenaikan kadar sewa bilik yang tidak munasabah itu menyebabkan jualan tiket untuk perlumbaan bertaraf dunia itu merosot berbanding tahun lalu.

Katanya, keghairahan hotel dan agensi pelancongan menaikkan harga bilik dan pakej pelancongan membuktikan mereka hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

"Saya mengutuk tindakan hotel dan agensi pelancongan itu kerana ia bukan sahaja merugikan mereka, malah memberi kesan buruk kepada penganjuran perlumbaan kereta bertaraf dunia di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Perkhidmatan Penerbangan Harian SilkAir Langkawi dan Singapura di Hotel Hilton, di sini hari ini. Hadir sama, Ketua Eksekutif SilkAir, Subhas Menon.

Ketika ini, harga sewa bilik di hotel empat hingga lima bintang ke atas yang ditawarkan pada waktu biasa bagi bilik standard adalah antara RM180 hingga RM300.

Abdul Kadir berkata, sikap tamak pengusaha hotel itu menyebabkan pelancong memilih destinasi lain, yang turut menganjurkan perlumbaan seumpama itu.

"Dalam keadaan sekarang kita tidak boleh salah orang lain. Hotel dan agensi pelancongan perlu dipertanggungjawabkan dan mereka perlu mengubah sikap jika ingin melihat lebih ramai pelancong datang ke negara ini ketika berlangsung acara besar seperti Formula Satu.

"Kenaikan harga bermusim ini adalah etika perniagaan yang tidak baik malah boleh memberikan imej yang buruk kepada negara," katanya yang bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengenakan levi atau cukai tertentu kepada hotel yang mengaut keuntungan ketika penganjuran perlumbaan bertaraf antarabangsa diadakan.

Abdul Kadir berkata, tujuan penganjuran perlumbaan bermotor ini adalah untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia selain menjana kedatangan pelancongan ke negara ini.

"Dalam keadaan sekarang kita tidak boleh salah orang lain. Hotel dan agensi pelancongan perlu ubah sikap bagi memastikan lebih ramai pelancong datang ke negara ini ketika berlangsung acara besar seperti Formula Satu.

Mengulas lanjut mengenai cadangan untuk menaikkan harga bilik hotel empat dan lima bintang, beliau berkata pengusaha hotel dinasihatkan supaya berhati-hati ketika membuat kenaikan harga.

Katanya, hotel tidak perlu terburu-buru atau terlalu ghairah untuk menaikkan kadar sewa bilik berikutan pertambahan jumlah pelancong ke negara ini.

(END)